

Hotel Avillion serah sumbangan TBC

Oleh SHAZZUAN SHAH MOHD. SALEH

BUKIT BARU 9 Feb. - Sudah menjadi kelaziman rakyat negara ini apabila mereka yang berkemampuan membantu golongan kurang bernasib baik setiap kali menjelang musim perayaan.

Keprihatinan itu boleh dilihat melalui pelbagai bentuk bantuan dan sumbangan yang dihulurkan bagi menceriakan golongan tersebut.

Meneruskan tradisi itu, Hotel Avillion hari ini mengadakan majlis khas bagi meraikan golongan

warga emas sempena perayaan Tahun Baharu Cina (TBC).

Majlis penyampaian sumbangan itu telah diadakan di Rumah Sejahtera Bukit Baru di sini, hari ini membabitkan seramai 35 penerima terdiri warga emas pelbagai

kaum telah menerima sumbangan dari pihak Hotel Avillion.

Kesemua mereka menerima sumbangan 'Ang Pau', limau Mandarin dan juga 'goodies bag' yang disampaikan oleh Pengurus Besar Avillion, Low Kee Nam.

Sementara itu, Pengurus Pemasarannya, Aisyah Arif berkata, Hotel Avillion sentiasa membantu golongan kurang bernasib baik dan tidak

mahu mereka merasa terisih.

Hotel Avillion sentiasa prihatin dan mahu rakyat menyambut perayaan ini dengan gembira. Oleh itu, pada setiap musim perayaan tidak kira Hari Raya Aidilfitri, TBC atau Deepavali akan sentiasa memberi sumbangan kerana ia adalah sebahagian program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Walaupun sumban-

gan ini tidak seberapa, tetapi ia sedikit sebanyak dapat membantu golongan ini membuat persediaan bagi menyambut TBC tidak lama lagi.

"Inilah keistimewaan Malaysia, walaupun kita berlainan kaum dan agama, tetapi kita tetap saling membantu antara satu sama lain," katanya.

Turut hadir, Pengurus Rumah Sejahtera Bukit Baru, Datuk Kian Sit Har.



KEE Nam (dua, kanan) menyampaikan ang pau kepada para penerima di Rumah Sejahtera Bukit Baru, semalam.



Warga emas ceria terima angpau TBC